



GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN PUKAZ

PUSAT KAJIAN FIQH DAN AGIHAN ZAKAT

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MUA'DZAM SHAH

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Tujuan utama Geran Penyelidikan PUKAZ ialah untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang kepada perkembangan dan pemindahan ilmu dalam bidang fiqh zakat kontemporari.
- 1.2 Hasil kajian hendaklah memaksimumkan penggunaan peruntukan dana pulangan zakat dalam menyumbangkan ilmu yang dapat meneroka dimensi baru dalam bidang fiqh zakat.
- 1.3 Pejabat Pengurusan PUKAZ, Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Pengantarabangsaan (TNCA) dan Pejabat Research Management Unit (RMU) merupakan pihak yang bertanggungjawab menguruskan Geran Penyelidikan PUKAZ.
- 1.4 Setiap permohonan hendaklah suatu kajian yang berunsurkan fiqh zakat dan memenuhi salah satu pengkhususan penyelidikan seperti berikut:-
 - i. Fatwa dan Perundangan
 - ii. Sumber dan Agihan
 - iii. Pelaburan dan Pengembangan
 - iv. Pembangunan Asnaf

2.0 TEMPOH PENYELIDIKAN

- 2.1 Penyelidikan hendaklah disempurnakan dalam tempoh dua puluh empat (24) bulan mulai tarikh termetai Surat Perjanjian.
- 2.2 Segala urusan penyelidikan hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Geran Penyelidikan PUKAZ dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh RMU.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada para penyelidik dengan syarat-syarat berikut: -

- 3.1 Ketua Penyelidik adalah staf akademik tetap/kontrak di UniSHAMS.
- 3.2 Berkelayakan sekurang-kurangnya Sarjana (DS45 atau setara).



- 3.3 Setiap penyelidikan hendaklah mempunyai ahli penyelidik minimum tiga (3) orang dan maksimum seramai enam (6) orang termasuk Ketua Penyelidik. Satu (1) orang ahli penyelidik hendaklah terdiri daripada kalangan staf akademik UniSHAMS bertaraf tetap.
- 3.4 Sekiranya Ketua Penyelidik bukan merupakan staf akademik tetap/kontrak di UniSHAMS, suatu permohonan hendaklah dikemukakan kepada pihak Pengurusan PUKAZ untuk pertimbangan.

4.0 PERATURAN KEWANGAN

Segala urusan perbelanjaan penyelidikan hendaklah merujuk Garis Panduan Geran Penyelidikan PUKAZ dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh RMU.

5.0 PERATURAN PERMOHONAN

Permohonan Geran Penyelidikan PUKAZ hendaklah menggunakan borang permohonan yang disediakan melalui sistem atas talian.

6.0 PENILAIAN GERAN

- 6.1 Setiap permohonan Geran Penyelidikan PUKAZ hendaklah dinilai oleh Jawatankuasa Penilai Penyelidikan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Wakalah dan Agihan Zakat.
- 6.2 Pejabat Pengurusan PUKAZ hendaklah memaklumkan kelulusan suatu geran penyelidikan kepada RMU untuk tindakan selanjutnya.
- 6.3 Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama hendaklah menandatangani borang penerimaan serta Surat Perjanjian yang telah dilengkapkan sebelum memulakan penyelidikan.

7.0 ETIKA DAN KERAHSIAAN

Semua penyelidik hendaklah mematuhi etika penyelidikan dan kerahsiaan data.

8.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 8.1 Geran penyelidikan yang telah diluluskan hendaklah dipantau oleh RMU. Segala urusan penyelidikan adalah merujuk kepada Garis Panduan Geran Penyelidikan PUKAZ dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh RMU.
- 8.2 Penyelidik hendaklah menghantar laporan kemajuan pada setiap empat (4) bulan atau tiga (3) kali setahun seperti yang telah ditetapkan.
- 8.3 Kegagalan memenuhi perkara 8.2 di atas boleh menyebabkan geran penyelidikan ditamatkan serta merta.



- 8.4 RMU hendaklah menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas menerima laporan akhir daripada Ketua Penyelidik.
- 8.5 Ketua Penyelidik hendaklah memajukan laporan akhir penyelidikan kepada RMU dalam bentuk penerbitan buku di bawah hakcipta UniSHAMS sebanyak sepuluh (10) salinan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat penyelidikan atau tarikh ditamatkan penyelidikan.

9.0 HASIL PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

- 9.1 Penyelidik hendaklah menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan berindeks Web of Science (WoS) atau SCOPUS atau ISI atau MyCite.
- 9.2 Penghargaan kepada Geran Penyelidikan PUKAZ hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

Tarikh Dokumen : gpgpp02/18-6-2021/nmaa
Tarikh Pindaan 1 :